

8

(59) dlm.KKM-61(940)  
Bhg.7  
SPA.S(KT)015/26/(5)

5 September 2005

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Bahagian Sumber Manusia  
(Unit Guna Sama dan Sokongan)  
Aras 9-10, Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 PUTRAJAYA.**  
(u.p.: Puan Norkiah binti A. Kadir)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN SERAMAI 786 ORANG PEGAWAI  
PELBAGAI JAWATAN DI BAWAH KLSAIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN  
DAN KESIHATAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENGAJAR**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen seramai 786 orang pegawai pelbagai jawatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan seperti di **Lampiran A** ke Skim Perkhidmatan Pengajar.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:


- (i) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan untuk menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30** hari dari tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada 01.01.2005;
- (iv) tawaran gaji seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2005; dan
- (v) mewakili kuasa kepada Timbalan Ketua Setiausaha untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ini, Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen yang ada dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 kepada semua pegawai berkenaan dan mengemukakan sesalinan dokumen tersebut kepada Suruhanjaya untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

**‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘**

Saya yang menurut perintah,

  
**(MOHAMMAD ABIDDIN BIN ABD. RAHMAN)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

**LAMPIRAN A**

Bil.	Jawatan	Bilangan
1.	Jururawat	542
2.	Pembantu Perubatan	97
3.	Juru X-Ray	15
4.	Juruteknologi Makmal Perubatan	42
5.	Pembantu Farmasi	18
6.	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran	29
7.	Jururawat Pergigian	18
8.	Juruteknologi Pergigian	8
9.	Jurupulih Perubatan Anggota	7
10.	Jurupulih Perubatan Carakerja	10
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>786</b>